

SUCCESS STORY

JENIS	MAKLUMAT
NAMA PI1M	PUSAT INTERNET 1 MALAYSIA TAMAN JAYA KEMAYAN
LOKASI	MUKIM KEMAYAN, BERA, PAHANG
NAMA	(Pengusaha Madu Lebah Kelulut)
BUTIRAN DIRI	<ul style="list-style-type: none"> 61 Tahun Lelaki Taraf Pendidikan (STPM) Perniagaan & Pengusaha Madu Lebah Kelulut Tel : 019-9230626
PAGE FACEBOOK	https://www.facebook.com/Madu-Kelulut-Fadlyani-Enterprise-198682973856526/timeline
KISAH KEJAYAAN	<p>Bercerita mengenai khasiat Madu Lebah kelulut, Tentunya pasti ramai tertanya-tanya apakah Madu Kelulut serta khasiatnya. Seperti yang kita tahu, madu kelulut adalah sama seperti madu lebah biasa, Cuma yang membezakannya adalah khasiatnya. Itulah serba sedikit maklumat yang diceritakan oleh seorang pengusaha madu lebah kelulut, Mohd fazil bin Maulud yang menjalankan penternakan lebah kelulut untuk mendapatkan hasil madu tersebut. Menceritakan saat permulaan ketika beliau memulakan perusahaan tersebut, beliau telah diberi cadangan oleh sahabatnya untuk membuat perniagaan madu kelulut tetapi beliau tidak mengendahnya sehingga lama-kelamaan, dengan menggunakan medium media sosial yang ada, beliau melihat tidak ramai yang mengusahakan perniagaan madu kelulut lantas beliau mula terfikir untuk memulakan perusahaan secara kecil-kecilan memandangkan di daerah Bera tidak ramai yang membuat perusahaan tersebut.</p> <p>Idea beliau tercetus pada awal tahun 2013 untuk membuat projek penternakan lebah kelulut apabila segala usaha dan penat lelah beliau berjaya membuahkan hasil bagi memulakan langkah pertamanya. Dengan bantuan dan nasihat daripada Jabatan Pertanian Daerah Bera, beliau telah diberi bantuan sebanyak RM10,000 beserta 10 sarang lebah kelulut sebagai langkah awal untuk beliau terus bersemangat dan ingin lebih mengorak langkah ke hadapan selaras dengan kemajuan luar bandar melalui perusahaan yang dibuat.</p> <p>Banyak cabaran yang dilalui beliau dalam memulakan perusahaan tersebut, ini kerana ternakan lebah kelulut adalah bergantung kepada kawasan yang bersesuaian seperti keadaan didalam hutan. Ketika itu, Encik Mohd Fadzil menjadikan dusunnya sebagai tempat penternakan lebah kelulut kerana tiada pilihan lain.</p>

Dengan tempoh percubaan yang singkat daripada Jabatan Pertanian Daerah Bera yang semakin suntuk, membuatkan beliau terus beruasha keras dalam penternakan lebah kelulut bagi mendapatkan hasil madu kelulut untuk dijadikan sebagai bahan bukti perusahaannya kepada Pejabat Pertanian Daerah. Berkat dari kesungguhannya, perusahaan beliau berjaya membuah hasil dengan permulaan sebanyak 10 sarang sahaja pada ketika itu, tetapi beliau masih belum bercadang untuk menjadikannya sebagai produk tempatan kerana masih tidak yakin dengan perusahaannya.

Apabila menjelang tahun 2014, dengan hasil bantuan dan nasihat dari sahabat serta Jabatan Pertanian, perusahaannya semakin bertambah maju, dengan simpanan yang ada, Encik Mohd Fadzil telah bertekad untuk menggunakan wang simpanannya dan melaburkan lagi untuk menambah 25 lagi sarang lebah kelulut dimana jumlah keseluruhannya kini telah mencecah sebanyak 35 sarang. Lebah kelulut juga mempunyai kahasiatnya tersendiri seperti:

- Meningkatkan metabolisme badan
- Menambahkan tenaga batin
- Menjaga kecantikan
- Antioksidan yang tinggi
- Mengurangkan kerosakan fungsi ginjal
- Mengurangkan stress oksidatif
- Merawat kencing manis, hati, darah tinggi, batu karang, buasir, lelah dan pelbagai lagi.

Katanya juga, madu kelulut menghasilkan madu dan propolis yang kaya dengan khasiat, Cuma rasanya agak sedikit masam dan warnanya lebih cerah daripada warna madu lebah yang biasa. Lebah kelulut yang diusahakan oleh Encik Mohd Fadzil mempunyai 3 spesis lebah kelulut iaitu **Itama**, **Thorasica** dan **Apikalis**.

Sehingga ke tahun ini iaitu tahun 2015, beliau telah berjaya mengeluarkan hasil madu kelulut beliau dan menjualnya disekitar kawan Daerah Bera, masih belum mempunyai bangunan kedai, beliau menjadikan rumahnya sebagai tempat untuk memproses dan menjual madu kelulut kepada mereka yang menggemarinya, Walaubagaimanapun, Encik Mohd Fadzil tetap gigih meneruskan perusahaanya walaupun masih tidak mempunyai kedai sendiri.

Dari segi tenaga kerja pula, Encik Mohd Fadzil mengusahakan perusahaanya itu secara sendiri tanpa menggunakan mana-mana tenaga kerja kerana dengan projek yang baru ingin berkembang itu masih dalam perancangan untuk diperbesarkan lagi, jadi tiada sebab untuk beliau mengambil pekerja untuk menolong beliau, cukup dengan bantuan isterinya sendiri.

KETERANGAN GAMBAR



Gambar 1:
Menunjukkan Encik
Mohd Fadzil bersama
sarang lebah kelulut



Gambar 2: Menunjukkan
lebah kelulut yang
menghasilkan madu
kelulut.



Gambar 6: Contoh
madu kelulut mengikut
sepsis lebah yang



Gambar 3: Sarang lebah madu kelulut jenis **Itama**.



Gambar 4: Sarang lebah madu kelulut jenis **Thorasica**.



Gambar 5: Sarang lebah madu kelulut jenis **Apikalis**.

PAGE FACEBOOK:



MAKLUM BALAS

1. Antara tarikan yang menyebabkan saya berminat untuk ke Pusat Internet 1 Malaysia (Pi1M) kerana saya dapat mengikuti kelas yang dianjurkan oleh Pi1M, dengan cara itu saya dapat mempelajari cara menggunakan computer dengan betul, para petuga Pi1m juga banyak memberikan penerangan kepada saya dan sedikit sebanyak ia dapat menambahkan lagi pengetahuan saya dalam dunia IT yang serba canggih dan moden pada zaman ini kerana saya tidak mempunya sebarang bentuk promosi dengan menggunakan medium sosial.
2. Akhir sekali, saya berharap dengan adanya juga Pi1M ini, secara jujurnya saya mengakui bahawa projek yang dibina oleh Kerajaan dengan kerjasama SKMM adalah langkah yang terbaik bagi memberikan pengetahuan meluas kepada masyarakat luar bandar termasuk saya sendiri. Ia merupakan salah satu langkah yang bijak dalam mengetengahkan ilmu pengetahuan di arus permodenan dan pembangunan IT dimasa ini.